



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM PERKUKUH LANGKAH PASTIKAN BEKALAN UBAT DAN PERANTI PERUBATAN TERUS TERJAMIN

Krisis tenaga global yang berlaku ketika ini telah memberi kesan kepada rangkaian bekalan global, termasuk ubat-ubatan dan peranti perubatan. Ini telah memberi impak kepada penghantaran serta ketidakstabilan akses kepada beberapa peranti perubatan kritikal, khususnya produk import bagi kategori berisiko tinggi. Situasi ini juga antara lain memberi kesan kepada keupayaan pembekal untuk memenuhi obligasi kontrak, di samping berpotensi menjejaskan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kesihatan sekiranya tidak ditangani dengan segera.

Selaras dengan keutamaan Kerajaan, KKM giat memastikan keterjaminan bekalan ubat dan peranti perubatan melalui pengukuhan stok penimbal bagi ubat dan peranti perubatan kritikal, mempelbagaikan sumber bekalan serta pemantauan bahan mentah dan rangkaian bekalan secara berterusan bersama pihak industri bagi membolehkan risiko gangguan dikenal pasti lebih awal dan ditangani secara bersasar.

Pengurusan bekalan dilaksanakan secara berhemah melalui pengagihan berasaskan keperluan klinikal dan penggunaan yang rasional, di samping penyediaan pelan rawatan klinikal alternatif serta memudahcara proses regulatori bagi memastikan akses berterusan kepada ubat-ubatan. KKM turut melaksanakan Lalan Akses Khas (Special

Access Pathway), pengaktifan pelan gerak balas kecemasan, penetapan item kawalan serta perluasan penggunaan e-Labeling bagi peranti perubatan.

Bagi jangka sederhana dan panjang, tumpuan diberikan kepada pengukuhan daya tahan bekalan melalui peralihan penggunaan bahan resin kepada polimer, pelaksanaan Unique Device Identification (UDI) dan pembangunan industri tempatan bagi peranti perubatan. Bagi ubat-ubatan pula, pembangunan dasar keterjaminan bekalan ubat melalui inisiatif MyMedSecure, pengukuhan pengeluaran tempatan, pendigitalan rantaian bekalan dan pewujudan stok penimbal strategik nasional turut disasarkan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
9 APRIL 2026

